

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 24 / 01 / 2008

Malaysia memang negara kebajikan – Zainuddin

SUNGAI PETANI 23 Jan. – Kerajaan Barisan Nasional (BN) sememangnya telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara kebajikan, kata Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin hari ini.

Katanya, tanpa diisytiharkan, kerajaan Malaysia sememangnya mengutamakan kebajikan rakyat termasuk di negeri yang dikuasai oleh pembangkang seperti Kelantan.

“Rakyat Kelantan juga menikmati segala bantuan dan subsidi Kerajaan Pusat dan jika bantuan kebajikan itu tidak diberikan, negeri Kelantan akan menjadi seperti Berlin Timur semasa pemerintahan komunis dahulu,” katanya selepas menyerahkan elaun kepada anggota Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) bagi kawasan Parlimen Merbok di sini.

Katanya, manifesto Pas kononnya mahu menjadikan negara ini sebagai negara kebajikan jika mereka diberi peluang memerintah adalah satu retorik.

Beliau berkata, penduduk di luar bandar dan di bandar telah menikmati



ZAINUDDIN MAIDIN

pelbagai kemudahan dan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan.

Zainuddin berkata, hasil pengurusan politik, ekonomi dan sosial yang cekap telah membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara yang mampu memberi-

Um- 24/1/2008
Rakyat Kelantan juga menikmati segala bantuan dan subsidi Kerajaan Pusat dan jika bantuan kebajikan itu tidak diberikan, negeri Kelantan akan menjadi seperti Berlin Timur semasa pemerintahan komunis dahulu

ZAINUDDIN
MAIDIN
Menteri
Penerangan

kan subsidi sehingga berbilion ringgit setiap tahun termasuk subsidi minyak dan harga barang keperluan harian.

“Subsidi ini meliputi seluruh rakyat dari kampung ke bandar, subsidi padi kepada petani, nelayan hingga kepada masyarakat bandar yang tidak terkecuali mendapat subsidi petrol dan keperluan harian,” kata beliau.

Katanya, kerajaan BN juga memberikan bantuan buku teks untuk semua pelajar sekolah, biasiswa untuk pelajar miskin dan juga menaja pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Beliau berkata, kemakmuran negara ini juga telah menyebabkan ramai rakyat asing datang ke Malaysia untuk mencari rezeki.

“Hanya Malaysia satu-satunya negara di Asia mendahului negara-negara lain dalam menjadi sebuah negara kebajikan tanpa diisytiharkan,” kata beliau.

Zainuddin berkata, beliau percaya rakyat di Kelantan kini tidak sabar lagi untuk menolak kerajaan pimpinan PAS kerana parti itu sering memberi janji kosong pada setiap kali menjelang pilihan raya.

Sebagai contoh, parti itu kini menjanjikan untuk menurunkan harga minyak jika diberi peluang untuk memerintah sedangkan rakyat tahu kenaikan harga minyak adalah disebabkan pasaran global dan bukan ditentukan oleh kerajaan, katanya.

– Bernama